

15 SEP 2003

Samy-Jalan

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI KELANTAN TIDAK AKAN DIABAIKAN, KATA SAMY

PASIR MAS, 15 Sept (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan tidak akan mengabaikan Kelantan daripada segi kemudahan infrastruktur termasuk jalan raya disebabkan oleh perbezaan politik, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata kemudahan itu akan diteruskan bagi memudahkan pertumbuhan ekonomi, membuka koridor baru untuk pembangunan dan memudahkan perhubungan antara wilayah pantai barat dan pantai timur Semenanjung.

"Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin ke atas keperluan rakyat Kelantan dan pengguna," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra berharga RM166.36 juta oleh Sultan Kelantan di Tendong di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Raja Perempuan Kelantan, Tengku Mahkota Kelantan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Samy berkata kerajaan persekutuan sedar kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang baik merupakan pemangkin kepada pertumbuhan sektor lain khususnya dalam perkhidmatan dan pengedaran barangan.

Katanya di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 sebanyak RM475.9 juta diperuntukkan bagi melaksanakan 17 projek menaik taraf serta membina jalan dan jambatan baru di Kelantan.

Projek itu termasuk memperelok jalan Kota Baharu-Kuala Krai sepanjang 65 kilometer, pembinaan jalan Dabong-Jeli, pembinaan jalan Cherang Ruku-Air Tawar-Sungai Semerak, Pasir Puteh, memperelok jalan Pasir Puteh-Gong Kulim-Tok Bali dan pembinaan Jambatan Bukit Bunga di sempadan Malaysia/Thailand.

Samy berkata kerajaan Persekutuan juga sedang melaksanakan projek jalan raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang yang akan menghubungkan empat negeri iaitu Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

-- BERNAMA

WM BD RHM